



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU, 7 JULAI 2021

1.	134 ekor haiwan ternakan seludup dirampas
2.	Bukan sekadar pelihara
3.	Dulu ejen umrah dan haji, kini jadi penternak lembu, kambing

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

134 ekor haiwan ternakan seludup dirampas

KOTA BHARU - Sebanyak 84 ekor lembu, 50 ekor kambing serta tujuh buah kenderaan dalam kegiatan aktiviti penyeludupan yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta, telah dirampas Batalion Ke-7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) menerusi Op Benteng di sempadan Kelantan-Thailand.

Pegawai Pemerintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi berkata, kesemua rampasan itu direkodkan mulai 28 April hingga 28 Jun lepas.

Beliau berkata, dalam tempoh sama, sembilan orang lelaki tempatan disyaki anggota sindiket penyeludupan haiwan ternakan dari negara jiran turut ditahan.

"Kita percaya akan ada banyak lagi cubaan daripada penyeludup untuk membawa masuk lembu atau kambing sebagai bekalan sambutan Hari Raya Korban," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Azhari berkata, hasil siasatan mendapati lembu diseludup dengan dibawa menyeberangi Sungai Golok di kawasan yang cetek manakala kambing dibawa masuk dengan menggunakan perahu atau bot.

"Modus operandi penyeludup biasanya akan meletakkan lembu yang dibawa masuk ke dalam semak atau disembunyikan ke dalam kandang berdekatan bagi mengelirukan pihak berkuasa.

"Ada juga haiwan seludup ini terus dibawa menaiki lori dan dihantar kepada pihak lain pada waktu malam atau awal pagi," katanya.

Azhari berkata, tindakan penyeludup yang membawa masuk lembu dari negara jiran amat membahayakan kerana boleh menyebabkan berlaku jangkitan penyakit seperti penyakit kulit kental/berbonjol (LSD) kepada lembu tempatan. - *Bernamea*

BUKAN SEKADAR PELIHARA

Oleh Fairul Asmalni Mohd Pilius
asmalni@nstp.com.my

Haiwan peliharaan adalah haiwan domestik yang dijinakkan untuk dijadikan teman, perlindungan atau hiburan.

Menurut portal MyHEALTH, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), haiwan yang sering dipelihara di negara ini ialah kucing, anjing, burung, anjing dan hamster.

Ada juga yang berani memelihara reptilia seperti jenis cicak atau ular sebagai haiwan peliharaan kesayangan mereka.

Namun, sedarlah anda bahawa memiliki haiwan peliharaan bermakna bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kebajikan haiwan berkenaan dan bukan hanya sekadar memeliharanya sahaja?

Sebagai pemilik, anda bertanggungjawab memastikan haiwan yang dibela sihat, kelihatan bersih dan kemas serta gembira.

Bagaimanapun, kesihatan dan kebajikan diri sendiri juga perlu diutamakan.

Oleh itu, ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian sebelum anda memperibadikan untuk memiliki haiwan peliharaan.

Alergen adalah bahan yang boleh menyebabkan serangan asma teretus.

Air liur, air kencing, najis, bulu serta dander (cebisan kulit yang terkeluar dari kulit anjing, kucing, tikus atau mana-mana haiwan yang berbulu) boleh mencetuskan serangan asma.

Bulu haiwan juga boleh memerangkap habuk, pollen, kutu, kulat dan beberapa alergen lain.

Jika sensitif kepada haiwan berkenaan, anda mungkin akan merasa gatal hidung dan berair, bersin, mata jadi merah serta berair bila terdedah pada haiwan itu.

Jadi, dapatkan nasihat doktor jika anda sedang mempertimbangkan untuk memiliki haiwan peliharaan.

Dari segi kesesuaian jenis kediaman pula, sesetengah pengurusan perumahan tidak membenarkan penghuninya memelihara

Pemilik perlu jaga kebersihan haiwan peliharaan, beri rawatan selain tingkat kesihatan diri

KUCING, anjing, burung, anjing dan hamster adalah antara haiwan yang sering menjadi pilihan untuk dipelihara.



FOTO: SHARIFUDDIN



HAIWAN peliharaan tidak boleh diabaikan dan perlu diberi perhatian.

haiwan peliharaan. Ini mungkin untuk menjaga kebersihan persekitaran dan mungkin juga untuk menghormati penghuni lain yang mungkin tidak suka atau alah pada haiwan peliharaan. Ada baiknya jika anda mendapatkan dahulu maklumat mengenai peraturan di kawasan perumahan sebelum mendapatkan haiwan untuk dibela. Selain itu, pertimbangkan juga mengenai sejauh mana anda dapat memenuhi komitmen terhadap haiwan

berkenaan. Perhatikan semula jadual harian anda dan fikirilah, adakah masih mempunyai masa yang cukup untuk membersihkan, memberi makan serta menjaga haiwan terbahit. Menyentuh soal komitmen juga, memelihara haiwan juga memerlukan kos yang tinggi terutama kucing. Ini kerana untuk memastikan makanan, kesihatan dan kebersihan haiwan peliharaan kadangkala melibatkan kos yang tinggi. Adakah anda mampu?



Jika tekad untuk memeliharanya, anda harus mula membuat perancangan kewangan sejak awal.

Apapun, dapatkan maklumat secukupnya sebelum membuat keputusan memelihara haiwan.

Ini kerana, haiwan peliharaan adalah benda hidup yang mempunyai keperluan sama seperti benda hidup lain.

Haiwan itu perlu diberi makan, dibersihkan dan paling penting, diberi perhatian.

Dapatkan maklumat daripada Internet atau kedai haiwan untuk haiwan yang anda minati.

Haiwan peliharaan mungkin memerlukan imunisasi berkala selain diberi ubat cacing.

Sesetengah kucing misalnya mungkin menjadi perumah kepada parasit toksoplasma yang boleh menyebabkan anda dijangkit dengan penyakit toksoplasmosis jika terdedah kepada najisnya. Justeru, dengan maklumat yang lengkap, anda akan lebih bersedia untuk memeliharanya.



SESETEGANG pengurusan perumahan tidak membenarkan penghuninya memelihara haiwan peliharaan.



MAKANAN, kesihatan serta kebersihan haiwan peliharaan kadangkala membabitkan kos yang tinggi.

Dulu ejen umrah dan haji, kini jadi penternak lembu, kambing

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

SEREMBAN – Mengambil kira sektor pelancongan termasuk ibadah umrah dan haji yang mengambil masa lama untuk pulih akibat pandemik Covid-19, seorang usahawan muda nekad menukar bidang perniagaan.

Mohammad Yusoff Khalili Mohammad Ssunaibari, 34, berkata, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, dia mengambil keputusan memberhentikan sementara operasi syarikat ejen pelancongan dan memberi tumpuan kepada bidang ternakan.

"Saya melihat sektor pelancongan termasuk membawa jemaah umrah dan haji semakin terjejas kerana pandemik Covid-19, tidak mahu terus berdiam diri, saya mulakan bidang penternakan lembu, kambing, rusa, ayam dan anab.

"Alhamdulillah, saya dibantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri yang memberikan padang ragut seluas lebih empat hektar melalui pajakan bagi diusahakan penternakan haiwan," katanya ketika ditemui di Kampung Machang Ulu, Lenggeng dekat sini semalam.



MOHAMMAD YUSOFF memberi lembu ternakannya makan di Kampung Machang Ulu, Lenggeng Seremban, semalam.

Bercerita lanjut, Mohammad Yusoff berkata, dia bermula dengan membeli sebanyak 40 ekor lembu dan sehingga kini dia mempunyai sebanyak 120 ekor haiwan berkenaan.

"Kami bermula dengan modal yang kecil, namun sambutan daripada peniaga yang mencari lembu untuk dijual saban hari terus meningkat.

"Kami juga membuat dua jenis kaedah ternakan iaitu lembu untuk korban dan baka lembu untuk pembiakan," ujarnya.

Mohammad Yusoff menjelas-

kan, dia juga berhasrat membuka perniagaan berkaitan pembuatan daging burger dalam tempoh tiga hingga lima tahun lagi.

"Saya melihat industri ini semakin baik jadi saya berhasrat membuka perniagaan pembuatan daging burger ayam, anab dan turut menjual pelbagai produk sejuk beku kelak," jelasnya.

Sementara itu, Mohammad Yusoff berkata, dia telah menerima tempahan sebanyak 35 ekor lembu dan 12 ekor kambing sempena Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.